

**HOMESTAY: IMPLIKASINYA TERHADAP  
SOSIOEKONOMI PENDUDUK TEMPATAN;  
TINJAUAN KE ATAS KG. TAGINAMBUR KOTA  
BELUD.**

**STELLA BINTI SIDIL**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: HOMESTAY : IMPLIKASINYA TERHADAP SOSI EKONOMI PENDUDUKTEMPATAN : TINJAUAN KE ATAS KG. TAGINAMBUR KOTA BELUD .IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (GEOGRAFI)SAYA STELLA BINTI SIDIL  
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: \_\_\_\_\_

mengalau membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institut pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_

PN. HARIFAH MOHD. NOOR

Nama Penyelia

Tarikh: 12 MEI 2009Tarikh: 12 MEI 2009

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.


@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



## PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH

Latihan ilmiah bertajuk "Homestay: Implikasinya terhadap sosioekonomi penduduk tempatan; Tinjauan keatas Kg. Taginambur Kota Belud yang disediakan oleh STELLA BINTI SIDIL bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh;



Puan. Harifah Mohd. Noor

Penyelia Latihan Ilmiah

Sekolah Sains Sosial

Tarikh: 12/05/01

## PENGHARGAAN

Usaha untuk menghasilkan Tesis ini tidak mungkin tercapai tanpa sumbangan dan kerjasama daripada beberapa pihak. Pertama sekali, Syukur juga kepada Tuhan kerana telah memberi kekuatan kepada saya dalam menyempurnakan penulisan tesis latihan ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Puan Harifah Mohd. Noor selaku penyelia akademik yang telah memberikan idea, teguran dan nasihat yang amat berguna sepanjang proses untuk menyiapkan penulisan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah program Geografi yang lain atas kesudian memberikan beberapa panduan bagi menambahbaikkan penulisan ilmiah ini.

Tidak lupa juga kepada keluarga khususnya kedua ibubapa saya yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan dorongan kepada saya. Juga kepada kakak dan adik atas semangat yang diberikan. Terima kasih atas pengorbanan mereka.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan dan penduduk kampung Taginambur kerana telah memberikan kerjasama dan keizinan membuat penyelidikan, khususnya kepada keluarga En. Roberth Meisin Sendeliun dan pihak-pihak lain yang membantu dalam menyelesaikan kajian saya yang tidak dapat dinyatakan dalam ruangan ini.

Akhir sekali, segala nasihat, teguran, dorongan dan sokongan semua yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung amatlah bererti dan bermakna bagi diri ini. Segala jasa, budi baik dan ketulusan hati semua pihak saya akan tetap kenang. Terima kasih atas segalanya dan Tuhan memberkati semuanya.



## **ABSTRAK**

### **HOMESTAY: IMPLIKASINYA TERHADAP SOSIOEKONOMI PENDUDUK TEMPATAN; TINJAUAN KE ATAS KG. TAGINAMBUR KOTA BELUD.**

Kajian ini membuat penelitian mengenai kesan awal ke atas penduduk tempatan berikutan pelaksanaan pelancongan Homestay yang dilaksanakan di Kg. Taginambur, Kota Belud. Aspek kualiti hidup dan proses transformasi kehidupan harian yang dilalui adalah di antara perkara utama yang dibincangkan. Fokus hasil kajian yang dijalankan melalui kaedah kerja lapangan dan tinjauan ke atas pengusaha menggunakan borang soal selidik sebagai sumber data utama mendapati penduduk tempatan di Kg. Taginambur yang sememangnya menginginkan perubahan kini mulai mendapat perhatian sewajarnya hasil dorongan kerajaan. Walau bagaimanapun, impaknya secara langsung masih belum terserlah. Hal ini kerana pelaksanaan pelancongan Homestay belum dapat membawa pulangan yang ketara kepada sosial dan ekonomi yang wajar terhadap penduduk tempatan ini. Namun, secara tidak langsung ia dapat menarik perhatian penduduk tempatan di Kampung ini kerana mewujudkan pekerjaan baru dalam pelancongan yang mempunyai masa depan yang lebih terjamin dan memupuk semangat baru untuk menyesuaikan diri seiring dengan perkembangan ekonomi. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah memberikan gambaran terhadap sejauhmana pembolehubah sosioekonomi penduduk tempatan yang terlibat dalam Homestay telah berubah.

## **ABSTRACT**

*The purpose of the study is to evaluate the pre implication of the Homestay tour programme implementation towards the community of society in Kg. Taginambur, Kota Belud. This paper focuses on the quality of life and transformation of the community on the daily basis. The data from the study is obtained from questionnaires based on the survey structured through field-work. From the findings, the community involved started to gain the government support and sees the Homestay programme as a turnover to change their socioeconomic status. Although the profit from the Homestay programme is not inevitably changing their socioeconomic status to some extent, it encourages the community of Kg. Taginambur to venture in tourism industry which may have a brighter and promising future. Thus, this study illustrates the change in socioeconomic of the community as the variables towards the implementation of Homestay programme in Kg. Taginambur.*



# SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1:      <b>PENGENALAN</b></b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	3
1.3    Pernyataan Masalah	4
1.4    Objektif Kajian	5
1.5    Hipotesis Kajian	5
1.6    Kepentingan Kajian	6
1.7    Skop Kajian	7
1.8    Jangkaan Kajian	7
1.9    Kawasan Kajian	7



1.10	Latar Belakang Program Homestay Kg. Taginambur	11
1.11	Anggota Program Homestay	13
1.12	Pakej Aktiviti Homestay	14
1.13	Jumlah Kedatangan Pelancong	16
1.14	Kesimpulan	19

## **BAB 2      SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	20
2.2	Definisi Konsep	21
2.3	Kajian Lepas	22-31
2.3.1	Kajian Berkaitan Program Homestay sebagai produk pelancongan	
2.3.2	Penglibatan masyarakat tempatan dalam Program Homestay	
2.3.3	Pelaksanaan Homestay	
2.3.4	Pelancongan lain yang memberi kesan terhadap sosioekonomi penduduk Tempatan.	
2.4	Kesimpulan	32

## **BAB 3      METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	33
3.2	Tumpuan Kajian	33
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	33
3.3.1	Data Primer	34



3.3.1.1	Pemerhatian	34
3.3.1.2	Temubual	34
3.3.1.3	Telephone	35
3.3.1.4	Soal- Selidik	35
3.3.1.5	Gambar Foto	36
3.3.2	Data Sekunder	
3.3.2.1	Kajian Perpustakaan	37
3.3.2.2	Jabatan Berkaitan	37
3.4	Kaedah Analisis Data	38
3.5	Persampelan Kajian	38
3.6	Latar Belakang Kg. Taginambur	38
3.6.1	Topografi	40
3.6.2	Kemudahan Asas	40
3.6.3	Budaya	40
3.6.4	Sumber Ekonomi	40
3.6.5	Maklumat Pekerjaan	41
3.7	Ringkasan Metodologi	42
3.7	Kesimpulan	43

## **BAB 4 ANALISIS DAH HASIL KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	44
4.2	Analisis Soal-selidik Bahagian A	44
4.2.1	Analisis Jantina	45
4.2.2	Analisis Umur	45
4.2.3	Analisis Tahap pendidikan	46
4.3	Analisis Soal-selidik Bahagian B	
4.3.1	Analisis Jenis Pekerjaan	46
4.3.2	Analisis Pendapatan Utama	48
4.3.3	Analisis Pendapatan Sampingan	49
4.3.4	Analisis Pemilikan Harta	51
4.3.5	Analisis Kemudahan Asas	53
4.4	Analisis Soal-selidik Bahagian C	57
4.5	Masalah dan Halangan dalam penglibatan.	65
4.6	Kesimpulan	67

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

5.1	Pendahuluan	68
5.2	Pencapaian Objektif Pertama Kajian	69
5.2.1	Objektif 1	69



5.2.1.1	Pakej aktiviti Homestay	69
5.2.1.2	Aktiviti berkunjung ke Tamu Besar	70
5.2.1.3	Aktiviti Sungai	70
5.2.1.4	Aktiviti Menoreh Getah	70
5.2.1.5	Aktiviti Berkunjung ke kebun durian	71
5.2.1.6	Aktiviti Menuai Padi	71
5.2.1.7	Aktiviti Menanam pokok buah-buahan	71
5.2.1.8	Aktiviti Memarut kelapa Tua	71
5.2.1.9	Aktiviti Memancing	71
5.2.2	Pakej aktiviti pilihan	72
5.2.2.1	Aktiviti Berbasikal	72
5.2.2.2	Aktiviti Kebudayaan	72
5.3	Pencapaian Objektif ke-2	73
5.3.1	Ciri Penglibatan penyelarasa	74
5.3.2	Ciri Penglibatan Pengusaha Lain	74
5.3.3	Ciri penglibatan penduduk lain	74
5.4	Pencapaian Objektif ke-3	75
5.4.1	Perubahan sosioekonomi	75
5.4.2	Punca pendapatan lain	77
5.5	Pencapaian Hipotesis	78
5.4	Limitasi Kajian	79-81

5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	81
5.6	Kesimpulan	84



**BIBLIOGRAFI**

85

**LAMPIRAN**

88

Lampiran A: Senarai Foto Aktiviti-Aktiviti Homestay

Lampiran B: Soal-Selidik

Lampiran C: Hasil Output Analisis Statistik Deskriptif SPSS Versi 15.0



## SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1:	Peserta Homestay	13
Jadual 1.2:	Pakej Aktiviti Homestay	14
Jadual 1.3:	Jumlah Pelancong yang datang	16
Jadual 3.1:	Jadual Skala Likert	36



## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Peta Kedudukan Kg. Taginambur	8
Rajah 1.2: Pelan Kg. Taginambur	9
Rajah 1.3: Pelan Kedudukan rumah di Kg. Taginambur	10
Rajah 4.1: Carta Pai Jantina Responden	45
Rajah 4.2: Graf Umur Responden	45
Rajah 4.3: Graf Tahap Pendidikan Responden	46
Rajah 4.4: Graf Jenis Pekerjaan Responden	47
Rajah 4.5: Graf Pendapatan Utama Responden	48
Rajah 4.6: Graf Pendapatan Sampingan Responden	49
Rajah 4.7: Graf Pemilikan Harta	51-53
Rajah 4.8: Graf Kemudahan Asas	54-56
Rajah 4.16-4.24: Graf Faktor penglibatan Responden dalam Homestay	57-64
Rajah 5.1-5.21: Gambarajah aktiviti Homestay	88-98

## SENARAI SIMBOL

		Halaman
JKPPH :	Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Program Homestay	2
JKBPPPH:	Jawatankuasa/ Penyelaras Program Homestay	2
PHS :	Persatuan Homestay Sabah	2
KPM :	Kementerian Pelancongan Malaysia	3
JKKK :	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung	8
KK :	Ketua Kampung	9
En :	Encik	13
Pn :	Puan	14
PBT :	Pelancongan Tinggal Bersama	23
KPW :	Kumpulan Pengembangan Wanita	26





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pembangunan pelancongan desa di Malaysia semakin berkembang sejak 20 tahun lepas melalui pembangunan program-program homestay, contohnya Kg. Desa Murni, Pahang. Dalam konteks negara ini, pelancongan desa merujuk kepada pembangunan program-program homestay di kampung-kampung berjaya di seluruh Malaysia iaitu program yang didefinisikan oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan sebagai

"...where tourist stay with the host's family and experience the everyday way of life of the family in both a direct and indirect manner." (1995). Kejayaan pembangunan program *homestay* di kampung-kampung, telah dianggap sebagai mekanisme terbaik untuk membawa transformasi kepada sosio-ekonomi penduduk desa negara ini.

*"Program Homestay merupakan satu produk pelancongan yang berkonsepkan penginapan atau tinggal bersama dengan tuan rumah dan keluarga di kediaman mereka. Secara tidak langsung, pelancong berpeluang berinteraksi serta mengalami cara hidup seharian termasuk mengenali secara dekat kebudayaan persekitaran dari segi budaya (culture), pengembaraan (adventure) dan alam sekitar (nature) di sesuatu kampung atau daerah."*

*(Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1996).*

Di Sabah, program Homestay diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1996 apabila Pejabat Daerah diberi tanggungjawab untuk memulakan program berkenaan di daerah

masing-masing. Namun ianya tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna memandangkan sambutan dan tanggapan negatif serta kebimbangan banyak pihak terhadap konsep homestay berkenaan. Justeru, pada tahun 2000, Kementerian Pelancongan Negeri telah menubuhkan dua Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Program Homestay (JKPPPH) dan Jawatankuasa Badan Penggerak/Penyelaras Program Homestay (JKBPPPH) bagi menerajui dan menyelaraskan pembangunan program homestay di Sabah. ( Utusan Borneo, Rabu 11 Jun 2008).

Usaha kedua-dua jawatankuasa ini menyemarakkan penubuhan program homestay di beberapa kampung dan daerah. Pengurusannya dikendalikan oleh pegawai yang ditugaskan dengan pertolongan dan kerjasama daripada JKPPPH dan JKBPPPH diperingkat kementerian. Manakala, di peringkat lapangan dan kampung diselaraskan oleh *Koordinator* dan *Penyelaras* Jawatankuasa Program Homestay di kampung masing-masing.

Selain itu, bagi terus memberikan galakkan kepada para pengusaha maka, Persatuan Homestay Sabah (PHS) ditubuhkan pada tahun 2003 untuk melengkapkan pengurusan program berkenaan. Setakat ini persatuan itu dianggotai seramai 20 Jawatan Penyelaras Homestay yang aktif dan lebih 200 orang ahli peserta di seluruh daerah dalam Negeri Sabah. Jelasnya, program Homestay seumpama ini membuka ruang kepada masyarakat tempatan untuk memperoleh pendapatan tambahan sekaligus memberi peluang kepada semua golongan masyarakat bagi menyertai perniagaan dalam bidang pelancongan berdasarkan kemampuan masing-masing. Pelancongan Homestay ini juga mematuhi arah aliran pelancongan masa kini dimana masyarakat metropolitan mempunyai minat yang mendalam terhadap corak kehidupan dan suasana masyarakat luar bandar.

Tambahan pula, program ini yang semakin berkembang juga mewujudkan integrasi nasional dengan memberi pendedahan serta pengalaman kepada pelancongan dan rakyat negara ini khususnya mengenai kebudayaan masyarakat tempatan. Selain itu, ia juga dapat mewujudkan banyak kegiatan industri hiliran termasuk program " Satu Produk Satu Kampung " atau " Satu Produk Satu Daerah " sekaligus menggalakkan pelancongan dalam negeri. Oleh itu, ia bukan sahaja menaja sumber ekonomi



masyarakat tempatan malah juga pendapatan negara dan kemajuan kampung berkenaan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian.

Sabah merupakan salah satu negeri di Malaysia yang terkenal dengan kepelbagaian sumber alam semulajadi yang mempunyai kelebihan untuk berkembang dalam bidang pelancongan. Selaras dengan itu, pelancongan yang berasaskan kepada homestay dapat dikembangkan secara langsung. Tambahan pula, dengan adanya pelbagai program dan galakkan kerajaan sejak akhir-akhir ini untuk menarik lebih ramai pelancong menjadikan pelancongan homestay sangat berpotensi untuk maju dan seterusnya meningkatkan sosioekonomi.

Menurut Kementerian Pelancongan Malaysia, (2004) homestay atau pelancongan tinggal bersama merupakan satu bentuk penginapan dimana pelancong tinggal bersama-sama keluarga tuan rumah yang dipilih dan seterusnya berpeluang mengecapi cara hidup seharian keluarga serta masyarakat tempatan secara langsung.

Kebanyakan pelancong pada masa kini lebih ramai yang tidak menggemari percutian mewah di hotel bertaraf tinggi, sebaliknya gemar mendekati kehidupan masyarakat setempat dengan tinggal di *chalet* atau khemah sambil mendapatkan khidmat penduduk untuk aktiviti mereka. Produk homestay di luar bandar memberi kesempatan kepada masyarakat tempatan untuk mempromosikan "aset" semulajadi, kebudayaan serta keramahan penduduk. Melalui homestay, ia adalah salah satu pengalaman yang unik di mana pelancong tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah yang secara tidak langsung dapat mendekati sendiri kehidupan masyarakat desa. Ini adalah pilihan tepat bagi yang mengemari pengembaraan dan cabaran yang lain daripada lain.

Dasar kerajaan yang memberikan peluang kepada penduduk luar bandar untuk terlibat secara langsung dalam industri pelancongan dan salah satu cara ialah melalui Program Homestay. Di Sabah, program ini mula diselaraskan secara teratur bermula pada tahun 2000, yang di selaraskan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar sebagai pelaksanaan program Homestay di Sabah.

Peningkatan minat terhadap produk homestay ini dilihat sebagai peluang masyarakat desa untuk menjana sumber pendapatan. Bagi meningkatkan keberkesanan program ini, tarikan dan pengisian program homestay juga seharusnya disesuaikan dengan keadaan sesuatu tempat dan sasaran pelancong asing. Para pengusaha homestay perlu mengkaji kehendak pelancong serta menyesuaikan dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Sebagai contohnya, kebanyakan pelancong asing dari negara maju terutama Jepun dan Korea, lebih mengemari keadaan flora dan fauna yang mendamaikan sebaliknya pelancong Jerman mungkin inginkan lebih banyak cabaran alam semula jadi.

Homestay secara tidak langsung, membuka ruang kepada masyarakat tempatan menjana pendapatan tambahan dengan menyertai peluang-peluang perniagaan berkaitan dalam bidang pelancongan mengikut kemampuan masing-masing. Dilihat dari perspektif lain pula, beberapa sektor berkaitan turut menerima kesannya antaranya seperti pembangunan sektor hiliran, sektor pertanian berasaskan pelancongan (agro-tourism), pelancongan alam semulajadi (eko-pelancongan) dan pembangunan industri desa dan kraftangan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian terhadap program homestay sememangnya banyak dilakukan oleh pengkaji sebelumnya namun, kebanyakan tidak berfokus kepada kajian terhadap sosioekonomi penduduk tempatan walaupun bagaimanapun, kajian dalam pelancongan dilakukan secara tidak langsung akan turut dapat menerangkan perubahan kesan pelaksanaan program homestay di kawasan kajian oleh pengkaji. (Che Ani Mad *et al.*, 2004)

Memahami kesan sebenar pelaksanaan Program Homestay penting terutamanya ke atas penduduk tempatan kerana, pelaksanaan mungkin berbeza bagi setiap penduduk tempatan mengikut sentimen masing-masing. Melalui persoalan ini pengkaji akan dapat mengetahui keberkesanan pelaksanaan program homestay yang dijalankan di kawasan kajian terhadap sosioekonomi penduduk tempatan. Daripada persoalan seperti ini sedikit sebanyak akan memperlihatkan adakah perubahan berlaku terhadap penduduk tempatan terutama dari aspek sosioekonomi mereka dengan melihat situasi sebelum adanya program ini dijalankan dan selepas program ini dilaksanakan. Kerana,

daripada situasi sebelum dan selepas program pengkaji akan dapat melihat lebih jelas keadaan sosioekonomi kesan pelaksanaan program homestay.

Selain itu, pengkaji juga akan melihat aktiviti dan tahap penglibatan penduduk tempatan yang terlibat terhadap program homestay di kawasan kajian. Maka, dalam bab ini persoalan yang menjadi asas dalam kajian penyelidikan adalah adakah pelaksanaan pelancongan homestay ini memberikan kesan terhadap sosioekonomi penduduk tempatan di kawasan kajian.

#### **1.4 Objektif Kajian.**

Secara umumnya kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmana pelaksanaan pelancongan berasaskan program homestay mempengaruhi sosioekonomi penduduk tempatan di Kg. Taginambur berdasarkan kepada kesannya daripada sebelum program ini dilaksanakan dan selepas dilaksanakan.

Maka, berdasarkan pernyataan masalah kajian ini objektif khusus yang akan dicapai dalam penulisan tesis ini ialah:-

- i) Mengenalpasti aktiviti-aktiviti Homestay di kawasan kajian.
- ii) Melihat tahap penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti Homestay
- iii) Melihat sosioekonomi penduduk tempatan sebelum dan selepas menyertai aktiviti Homestay.

#### **1.5 Hipotesis Kajian.**

Hipotesis didefinisikan sebagai suatu ramalan kenyataan tentang hubungan diantara dua atau lebih pembolehubah (Kerlinger, 1986: 17). Hipotesis kajian juga merupakan saranan atau suatu kenyataan sementara tentang hubungan antara pembolehubah atau lebih yang diuji oleh penyelidik. Melalui persoalan kajian iaitu melihat sosioekonomi penduduk tempatan sebelum dan selepas menyertai aktiviti Homestay pengkaji telah membina hipotesis iaitu:-

Pelancongan Homestay yang dilaksanakan mampu memberikan kesan terhadap sosioekonomi penduduk tempatan di Kg. Taginambur.

### **1.6 Kepentingan Kajian.**

Hasil daripada kajian ini akan memberikan banyak faedah kepada pihak yang berminat terhadap kajian dalam sosioekonomi. Antara pihak yang dapat menggunakan maklumat kajian ini adalah seperti;-

- i) Kementerian pelancongan, kebudayaan dan alam sekitar
- ii) Sektor swasta
- iii) Pengusaha program pelancongan homestay
- i) Pelancong
- ii) Penduduk kampung
- iii) Mahasiswi/mahasiswa yang berminat membuat kajian tentang homestay.

Antara kepentingan kajian ini adalah;-

- i) Mengetahui bagaimana homestay mendatangkan implikasi kepada sosioekonomi masyarakat tempatan.
- ii) Menjelaskan sama ada wujud implikasi sosioekonomi terhadap masyarakat tempatan ataupun tiada akibat perkembangan pelancongan homestay dikawasan kajian.
- iii) Memberikan gambaran/huraian tentang bentuk pembangunan sosioekonomi yang wujud akibat daripada perkembangan homestay.

### **1.7 Skop Kajian.**

Skop kajian ini terbatas kepada implikasi pelaksanaan program homestay terhadap sosioekonomi di kawasan kajian. Fokus utama kajian ini adalah melihat kepada impak sosioekonomi terhadap penduduk tempatan di kawasan kajian iaitu di Kg. Taginambur Jaya yang mempunyai pelaksanaan Homestay.

### **1.8 Jangkaan Kajian.**

Pelancongan berasaskan program homestay merupakan salah satu daripada industri pelancongan yang semakin penting sejak kebelakangan ini dan program ini sangat berpotensi besar untuk maju memandangkan adanya pelbagai galakkan kerajaan atau swasta. Secara langsung, pelancongan homestay ini dapat menyumbangkan kepada peningkatan pendapatan negeri Sabah khususnya dan juga akan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan serta kemasukan pelancong dalam dan luar negara.


Pada masa kini, terdapat pelbagai galakkan kerajaan dalam meningkat keberkesanan industri pelancongan. Antara galakkan tersebut adalah, kemudahan awam serta infrastruktur semakin bertambah bagi memudahkan pelancong dan penduduk melakukan aktiviti. Selain itu, kerajaan dan sektor swasta juga turut memperkenalkan serta mempromosikan kepada pelancong luar tentang budaya tempatan seperti budaya, budi bahasa, perayaan dan juga hasil kraftangan.

### **1.9 Kawasan kajian.**

Tumpuan kajian adalah keatas pengusaha Homestay penduduk Kampung Taginambur dan program Homestay yang dilaksanakan di Kampung Taginambur tersebut. Jawatankuasa Homestay Kg. Taginambur merupakan responden utama yang berpotensi memberikan maklumat yang tepat dengan pelaksanaan dan keberkesanan program Homestay yang dijalankan. Pemilihan responden ini juga bersesuaian kerana kumpulan ini merupakan pihak yang menerima impak secara lansung hasil daripada strategi usaha sama yang dilaksanakan di kalangan pelaku-pelaku pelancongan lain. Oleh itu, melalui responden ini, penumpuan fokus pelaku yang diuji dalam konteks kajian adalah operator

pelancongan, tarikan dan agensi kerajaan melalui pendekatan pengumpulan maklumat temubual serta soal selidik semi struktur yang dipandu berdasarkan dimensi-dimensi yang telah ditentukan.

**Rajah 1.1: Peta kedudukan Kg. Taginambur Jaya**



*(Sumber: Jabatan Tanah dan Ukur Kota Belud, 2009)*



## BIBLIOGRAFI

- Azhar Harun, Nawi Abdullah. (2004). *Metodologi penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*. Thomson Learning: Singapore.
- Abdul Samad Hadi. (1995). *Panduan Kajiilidikan Geografi*. Bangi: Universiti Utara Malaysia.
- Badaruddin Mohamed. 2008. *Pelancongan Lestari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burns, P., & Sancho, M.M. (2003). *Locals perceptions of tourism plenning: the case of Cuellar*. Spain. Dlm. *Tourism Management*, 24, 331-339.
- Che Ani Mad *et al.*, 2004. Keusahawanan Pelancongan Potensi dan isu-isu semasa: UUM.
- Diamantis, Dimitrios. 2004. *Ecotourism: Management and Assessment*. London: Thomson Learning.
- Edward Inskeep. Penterjemah: Che Elainee Che Hassan, Norlida Abd. Halim. 1996. *Perancangan pelancongan: Pendekatan Pembangunan Bersepadu dan berkekalan*. DBP: Kuala Lumpur.
- Fallon, L.D., & Kriwoken, L.K. (2003). *Community involvement in tourism infrastructure, the case of the strahan Visitor Centre*, Tasmania. Dlm. *Tourism Management*, 24, 289- 308. 2003.
- Goldner, C.R., Ritchie, J.R.B., McIntosh, R.W. (2002). *Tourism: Principles, Principles, Practices, Philosophies. (8th ed.)*. New York: John Wiley & Sons.
- Gets, D. (1986). *Models in tourism planning*. Dlm. *Tourism Managemant*, 7(1), 21-32.
- Habibah Ahmad. 2000. *Labuan ke arah Destinasi Pelancongan Antarabangsa: Dampak ke atas penduduk tempatan*. Dlm. Abdul Halim Ali, Ishak Shaari, Habiah Habibah Ahmad & Er Ah Choy (pnyt.). *Sabah dalam perluasan Pasaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haris Abd. Wahab. 2004. *Penglibatan masyarakat tempatan dalam projek pembangunan Komuniti*. Dlm Dani Salleh. ( ed). *Pembangunan Komuniti: Dasar, Konsep, Strategi dan isu di Malaysia*. Sintok: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jurowski, Claudia, Uysal, Muzaffar; et. al, 1997. *A Theoretical Analysis of Host Community Resident*. *Journal of Travel Research* 36 (2): 3-9.

- Kadir H. Din. 1982. *Tourism in Malaysia: Competing Needs in a Plural Society*. Annual of Tourism Research
- Kalsom Kayat, Nor Asyikin Mohd Nor dan Mohamad Amin Mad Aris. 2004. *Pelancongan Dan pembangunan Komuniti*. Dlm. Dani Salleh. (ed). *Pembangunan komuniti: Dasar, Konsep, Strategi dan Isu di Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Kalsom Kayat, Nor Asyikin Mohd Nor. 2005. *Penglibatan ahli komuniti dalam program Pembangunan komuniti: Program Homestay di Kedah*. Akademika. 67(7): 75-100
- Kementerian Pelancongan Malaysia. (2004). *Buku panduan pendaftaran homestay dan panduan penyediaan bilik dan makanan*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (1996). "*Gemilang Budaya*". Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.
- Macleod, D.V.L. 1999. *Tourism and The Globalization of Canary Island*. Journal Of The Royal Anthropological Institute 5 (3): 443-457
- Mathieson, A., & Wall, G., (1991). *Pelancongan: Impak ekonomi, fizikal & Sosial (Terj.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Asri Abdullah, Hassan Naziri, et al. 2003. *Pembangunan Langkawi dan dampak Sosioekonomi keatas komuniti setempat*. Kuala Lumpur: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Shukri Haji Abdullah. 1992. *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Razali Agus, Yahya Ibrahim. 2003. *Penilaian Impak sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mostafa Kamal Mokhtar, Noor Rahamah Hj. Abu Bakar, Ong Puay Liu, Suhaiami Salleh. (1995). *Karya Darma II, kemanusiaan dalam pembangunan*. Kuala Lumpur: UKM.
- Murphy, P.E. (1985). *Tourism: A community approach*. London: Methuen.
- Picard, M. 1993. *Cultural tourism in Bali: National Integration dan Regional Differention. Dalam Tourism in Southeast Asia*. M. Hitchcock, V.T. King dan M. Parnwell J.G., Sunt. London: Routledge.
- Rokiah Haji Ismail, Zaidah Mustapha, Yahya Ibrahim. 2002. *Industrialisasi dan Modernisasi di Malaysia dan Indonesia: pengalaman, permasalahan dan arah transformasi*. Selangor: Prentice Hall.

Sulong Mohamad.1997. *Pelancongan Tani di Malaysia: Konseptual, penjenisan dan penyertaan masyarakat*. Akademik 50.

Timothy, D. (1999). *Participatory planning: A view of tourism in Indonesia dlm. Annals of Tourism Research, 26(2), 371-391.*

Yahya Ibrahim, Sulong Mohamad, Habibah Ahmad. 2008. *Pelancongan Malaysia: Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persetempatan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Zulkifly Hj.Mustapha. 1992. *Pembangunan In Situ Luar Bandar Sabah Dalam isu-isu Pembangunan Luar Bandar di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laporan Kerajaan

Kerajaan Negeri Sabah. 2008. Profile JKKK Kg. Taginambur. Kota Belud. 2008

Surat khabar.

1. *News Sabah Times*. 2008. Program Homestay berupaya jana ekonomi Penduduk Luar Bandar.
2. *Utusan Borneo*. 2008. Homestay semakin dapat sambutan.

Bacaan Tambahan.

Suriani Suratman, Rosazman Hussin. 1999. *Panduan Latihan Ilmiah*. Sekolah Sains Sosial: Universiti Malaysia Sabah.